



ORANG ramai beratur di dalam kereta masing-masing menunggu giliran mereka di pusat itu.

UMS lancar saringan Covid-19 pandu lalu

DE 25.11.2020 P.2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini menyediakan perkhidmatan saringan koronavirus (Covid-19) secara pandu lalu kepada orang ramai.

Pengarah Pusat Rawatan Warga (PRW) UMS, Dr Muhammad Syafiq Abdullah berkata, perkhidmatan itu dibuka setiap hari di Pusat Rawatan Warga (PRW) yang terletak berhampiran dengan Pusat Sukan UMS.

"Orang ramai boleh datang membuat saringan antara pukul 9.30 pagi hingga 12 tengah hari atau pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang.

"Saringan akan dibuat di lobi PRW dengan cepat, cermat dan selamat tanpa perlu turun dari kereta," katanya dalam satu kenyataan, di sini, Selasa.

Dua jenis ujian tersedia iaitu kaedah Rapid Test, dan ujian RT-PCR.

"Semua pembayaran boleh dilakukan secara perbankan dalam talian. Resit juga dikeluarkan secara dalam talian. Ini bagi mengelakkan sebarang sentuhan sekali gus mengurangkan risiko penularan pandemik Covid-19.

"Untuk makluman, inisiatif ini dijalankan PRW dengan kerjasama Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) dan makmal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS," jelas Dr Syafiq.

Mengulas lanjut, beliau juga memaklumkan bahawa inisiatif tersebut sebagai salah satu usaha universiti melalui bidang kepakaran dan kelengkapan UMS untuk sama-sama membantu memerangi pandemik Covid-19.

"Kita mempunyai petugas kesihatan yang berpengalaman membuat ujian cal-

itan hampir 5,000 pelanggan sejak April 2020," katanya.

Sementara itu, Pengarah HUMS, Prof Dr Helen Benedict Lasimbang dalam kenyataan sama memaklumkan perkhidmatan yang ditawarkan itu mampu memberi impak yang tinggi terhadap masyarakat.

"Ia dapat mengurangkan risiko penularan dan mengelakkan pembasmian kuman yang tidak perlu di kawasan pusat perkhidmatan saringan (PRW).

"Mereka yang datang bukan sahaja berasa selesa, malah dalam masa sama ia memberi perlindungan kepada petugas kesihatan UMS yang melakukan saringan.

"Inilah inti perkhidmatan HUMS iaitu untuk membawa hospital ke klien, bukan klien ke hospital," katanya.

Sementara itu Dekan FPSK UMS, Prof Dr Mohamad Saffree Jeffree berkata, semua proses ujian dan keputusan akan dibuat di makmal FPSK.

"Ini boleh mengurangkan masalah logistik dan pengangkutan kerana semua proses dilakukan di dalam kampus.

"Pakar dan juruteknik makmal FPSK turut menimba pengalaman bekerja di lapangan sebagai bekalan berharga apabila HUMS siap pada akhir 2022.

"Ia juga sekali gus merealisasikan sebahagian daripada janji fakulti ini untuk sentiasa memberi tumpuan dan mengutamakan keperluan penduduk Sabah," katanya.

Untuk sebarang maklumat lanjut, orang ramai boleh membuat panggilan telefon atau menghantar pesanan WhatsApp ke talian 088-329054.